



Majlis konvokesyen ringkas, meriah di UK

PADA Sabtu 29 November lalu, saya berpeluang berkonvokesyen di Nottingham Trent University. Tidak perlu terkejut kerana saya bukan berkonvokesyen kerana menerima ijazah doktor falsafah, tetapi kerana sudah menamatkan Sijil Kaedah Kajian yang dilaksanakan pada tahun pertama pengajian yang lalu.

Sebenarnya, sijil ini wajib diikuti semua pelajar peringkat doktor falsafah pada tahun pertama pengajian. Tetapi yang membezakan kami ialah adakah berjaya lulus atau sebaliknya, atau ada sebahagian yang perlu melalui tempoh lanjutan. Sijil ini juga boleh diteruskan sehingga ke tahap diploma yang akan diiktiraf pada tahun ketiga pengajian peringkat doktor falsafah.

Memandangkan sijil ini bukanlah sijil utama dalam pengajian, tidak ramai yang menghadiri majlis konvokesyennya. Namun, bagi saya, ini adalah peluang untuk merasakan berkonvokesyen di universiti ini dan juga sebagai motivasi untuk berkonvokesyen untuk kali kedua nanti. Semoga, ini bukan konvokesyen yang terakhir, dengan harapan satu lagi konvokesyen akan menanti dua atau tiga tahun yang akan datang.

Menariknya, majlis konvokesyen di United Kingdom (UK) kebanyakannya ringkas. Hal ini ada diberitakan oleh kebanyakan rakan, 'senior' dan 'junior' yang sudah berpengalaman berkonvokesyen di UK. Ringkas dari segi persiapan pihak universiti sehinggalah kepada pelajarannya. Majlis bermula tepat jam 11 pagi dan dewan konsert diraja atau Royal Concert Hall yang disewa pihak universiti ditutup kepada graduan jam 10.30 pagi untuk memastikan majlis boleh dimulakan tepat pada masanya.

Royal Concert Hall adalah salah satu dewan konsert terbaik di UK. Direka oleh Russell Johnson Associated, ia bukan hanya menawarkan reka bentuk menarik, malah juga diiktiraf konduktor muzik, penyanyi solo dan pemain orkestra sebagai antara dewan akustik terbaik di Eropah. Ia juga adalah salah satu dewan terbesar di UK dengan kapasiti sehingga 2,499 orang, hampir mencapai kapasiti Royal Albert Hall di London.

Apa yang memudahkan kami, tiada kesesakan berlaku pada pagi hari konvokesyen kerana kawasan universiti dan pusat bandar di mana dewan berada tidak boleh dimasuki kenderaan persendirian. Hanya bas dan tram (kereta api seperti komuter yang menghubungkan tempat utama dalam bandar dan kawasan sekitar Nottingham) yang boleh melaluinya.

Semua graduan dan tetamu hanya perlu mengambil jubah di pagi hari dan kemudiannya menaiki tram yang mempunyai satu stesen di

hadapan perpustakaan universiti yang dipanggil Boot's Library atau Perpustakaan Boot's dan kemudiannya boleh sampai ke dewan konvokesyen dalam tempoh beberapa minit selepas itu.

Mudahnya persiapan majlis konvokesyen mereka, jubah konvokesyen hanya diambil seawal jam 8 pagi sehinggalah jam 10 pagi pada hari yang sama. Tempahan sewaan jubah dibuat melalui laman web yang disambung terus dengan laman web universiti dan harus dilakukan selewat-lewatnya 21 hari sebelum hari konvokesyen.

Sewa jubah berharga 40 pound atau kira-kira RM250 dan jubah boleh dipulangkan pada hari yang sama sebelum jam 5 petang. Bayaran tambahan dikenakan untuk pemulangan jubah lebih daripada sehari. Lebih ringkas, tiada latihan konvokesyen yang perlu dihadiri pelajar dan pensyarah.

Pihak universiti sudah melatih sejumlah pekerja universiti yang digelar 'steward' atau pembantu pada hari itu yang memakai selendang merah bertulis 'steward' yang diletakkan di serata lokasi konvokesyen yang bersedia menjawab apa juga persoalan daripada graduan dan tetamu. Steward diletakkan di pusat mengambil dan memulangkan jubah, dewan konvokesyen serta pusat mengambil gambar bagi graduan.

Dari segi protokol ketika majlis sedang berlangsung, graduan dan tetamu tidak begitu terkongkong dengan pelbagai peraturan. Jika ada tetamu yang terlebih gembira dengan pencapaian graduan, mereka sorak. Jika ada yang mereka rasa pencapaian graduan yang memberi inspirasi kepada pelajar lain, mereka bangun dan berdiri dari tempat duduk termasuklah profesor dan pensyarah yang ada. Keriangan terpancar di wajah setiap yang hadir.

Kebetulan, pada majlis ini, ada seorang graduan OKU yang tidak mampu melihat, berjaya berkonvokesyen. Dia dibawa oleh anjingnya serta seorang pembantu dari pihak universiti yang membantu pergerakannya.

Ketika dia menerima sijil, semua graduan tetamu dan pensyarah di pentas turut berdiri sebagai menghargai pencapaiannya yang memberi inspirasi kepada seluruh universiti. Pastiya kemudahan proses berkonvokesyen secara keseluruhannya banyak membantu graduan OKU seperti beliau. Sesungguhnya, pada saya majlis ini berjalan dengan meriah, lancar serta mencapai matlamatnya.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom



PENULIS (empat dari kiri) dan suami (kanan) bersama-sama dua pelajar Malaysia, Nadia (lima dari kiri) dan Siti Roslina (empat dari kanan) bersama keluarga dan sahabat.